

08 MAY 2002

Perenang-Selat/I

PERENANG MALAYSIA INGIN BUKTIKAN KEMAMPUAN BERENANG DARI DOVER KE CALAIS

Oleh: Wan A. Hulaimi

LONDON, 8 Mei (Bernama) -- Hasrat seorang rakyat Malaysia, Abdul Malik Mydin, untuk membuktikan kebolehannya menyeberangi selat sejauh 34 kilometer dari Dover, England ke Calais, Perancis menjadi semakin membara minggu ini apabila kebolehannya diperakui oleh Allison Streeter, perenang yang telah berjaya menyeberangi selat berkenaan sebanyak 40 kali.

Streeter yang merupakan anggota Kelab Channel Swimmers dan sedang mengatur persiapan latihan bagi Abdul Malik berkata, perenang Malaysia yang menyifatkan dirinya sebagai "perenang bertaraf kampung itu" telah lulus dengan cemerlang dalam ujian yang diadakan.

"Dia perlu memperbaiki tekniknya dan menyesuaikan diri dengan keadaan air yang masin dan sejuk," kata Streeter.

Abdul Malik, 27, yang tiba minggu lepas, ingin membuktikan kebolehannya itu pada musim panas tahun depan.

Setelah berpengalaman berenang di selat berkenaan sebanyak tujuh kali di luar pantai Dover, Abdul Malik berkata beliau berasa yakin dengan percubaan yang akan dilakukannya itu.

Walaupun banyak perenang yang telah berjaya merentasi selat berkenaan, Abdul Malik dikatakan ingin mencipta rekod sebagai rakyat Malaysia dan warga Asia Tenggara pertama yang berjaya menyeberanginya.

Semasa dihubungi di Dover semalam, Abdul Malik berkata: "Kini saya perlu mengamalkan pemakanan khas bagi menambah berat badan sebagai persediaan untuk tujuan ini."

Berasal dari Butterworth, kemampuan Abdul Malik dalam sukan lasak mula terbukti apabila dia berjaya terpilih sebagai anggota pasukan lumba basikal Malaysia.

Beliau memenangi pingat perak bagi acara perlumbaan jalan raya dalam Sukan Malaysia 1994 dan merupakan anggota pasukan yang memenangi pingat emas dalam acara ujian masa berpasukan. Beliau menduduki tempat kelima dalam perlumbaan Jelajah Azerbaijan di Iran pada 1997.

Projek Selat Inggeris yang dilancarkan pada 1999 telah menarik perhatian Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan pada November tahun lepas perdana menteri telah merestui hasratnya itu.

Restu yang diberi oleh perdana menteri ini telah membuka ruang penajaan bagi Abdul Malik yang amat mengharapkan sokongan daripada segi kewangan untuk menjayakan hasratnya itu.

Antara pihak yang bersetuju menjadi penajanya ialah Yayasan Bukhari, ABI Construction dan Fila Corporation.

Sebagai satu latihan untuk meningkatkan keyakinannya, Abdul Malik telah berenang sejauh 48 kilometer dari Kuala Perlis ke Langkawi pada Oktober tahun lepas.

"Kini saya mampu berenang tanpa henti selama enam jam," katanya.

Selain semangat yang kental, Abdul Malik memerlukan lebih RM1 juta bagi mencapai cita-citanya untuk muncul sebagai "perenang bertaraf kampung yang berjaya mencipta rekod antarabangsa".

-- BERNAMA

WAH AZH SP MAI